

26 APR 1998

LEAD Adli-Meninggal

AHLI PERNIAGAAN TERKEMUKA WAN ADLI MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Tokoh perniagaan Datuk Wan Adli Wan Ibrahim meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai di sini hari ini selepas berada dalam keadaan koma setelah menjalani pembedahan hidung akibat sakit resdung.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 3.25 petang dan jenazahnya akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Derga, di Alor Setar malam ini, kata adik lelakinya Wan Ahmad Lotfi kepada Bernama, di sini.

Wan Adli, 57, yang merupakan pengerusi eksekutif beberapa syarikat senaraian awam termasuk Berjaya Group dan Transwater Corporation Bhd, dimasukkan ke pusat perubatan itu Ahad lepas.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Datin Roseni Hussein dan enam orang anak.

Antara mereka yang menziarahi jenazahnya di kediaman allahyarham di Bangsar ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Pengerusi Berjaya Group Tan Sri Vincent Tan, Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli dan beberapa ahli perniagaan lain.

Jenazahnya kemudian diterbangkan ke Alor Setar dengan pesawat Berjaya Air. Tan berkata satu kenyataan akan dikeluarkan oleh Berjaya Group esok.

Allahyarham yang sekian lama dengan Berjaya Group sebagai pengarah eksekutif, juga merupakan pengerusi eksekutif firma kejuruteraan Transwater Corporation Bhd dan pengarah Bridgecon Holdings Bhd serta Mutiara Swisscom Bhd, syarikat pemegang Mutiara Telecommunications.

Beliau juga merupakan pengerusi eksekutif Indah Water Konsortium sebelum menjual pegangannya tahun lepas.

Dalam satu temubual pada akhir tahun 1996, beliau memperkatakan mengenai pembelian Transwater yang sahamnya mendadak naik daripada RM15 kepada RM107 sebulan selepas beliau mengambilalih.

"Saya mempunyai agenda yang jelas dalam hidup saya. Saya mahu memulakan sesuatu sendiri, sesuatu yang saya boleh berbangga milik saya selepas harijadi saya yang ke-55 tahun lepas. Sebab itu saya membeli Transwater selepas mencapai umur 56 tahun."

Sebelum itu, beliau lebih dikenali mengenai hubungannya dengan Berjaya Group yang disertainya pada Oktober 1989 dan dengan personalitinya yang mudah didekati, beliau telah bertindak sebagai jurucakap bagi kumpulan syarikat itu dalam banyak perkara.

Sebelum menceburi dunia korporat, Wan Adli berkhidmat di bahagian aktuari di Jabatan Perdana Menteri selepas kembali dari Britain dan lulus dengan ijazah matematik daripada Univeristi Dublin dan mempelajari sains aktuari dengan Phoenix Assurance Co Ltd di London selama tiga tahun.

Pada 1968, beliau menyertai Tabung Haji dan pada 1974 bertukar ke Risda. Pada 1980, beliau menyertai Sobri Holdings dan melibatkan diri dengan bidang hartanah sebelum menyertai Berjaya.

Sebagai seorang yang gemar menunggang kuda, Wan Adli juga merupakan bendahari Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Satu rombongan daripada BAM yang diketuai presiden Datuk Abdullah Fadzil Che Wan turut menziarahi jenazah allahyarham di kediamannya.

-- BERNAMA

TM RON